



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**MAJLIS RAMAH MESRA WARGA MARA BERSAMA YB MENTERI  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**7 JULAI 2020 / 15 ZULKAEDAH 1441H**

---

Kuala Lumpur – MARA berperanan besar melakukan banyak perubahan untuk mengukuhkan pengurusan manusia dalam bidang pendidikan, pembiayaan dan keusahawanan supaya menjadikannya sistem penyampaian yang berimpak tinggi dan berkesan.

“Tiada organisasi dalam dunia yang berperanan seperti MARA,” kata Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad dalam Majlis Ramah Mesra Warga MARA yang diadakan di Hotel Premiera sebagai sebuah komunikasi dua hala.

Perjumpaan bersama YB Menteri bertujuan sebagai komunikasi dua hala selain menyampaikan aspirasi Menteri serta sebagai permulaan suai kenal terhadap pelaksanaan operasi MARA.

Secara keseluruhannya, MARA mempunyai hampir 20 ribu warga kerja MARA yang merangkumi Pusat Pentadbiran dalam dan luar negara, Institusi Pendidikan MARA (IPMA) serta subsidiari MARA untuk

melaksanakan segala dasar, rancangan dan strategi sejajar dengan hasrat pihak kerajaan.

“Kita juga harus terus memberikan latihan kepada pelajar dan usahawan kerana sedikit sebanyak ianya melambangkan hasil daripada pelaksanaan yang MARA lakukan,” tambah beliau.

Dari aspek pelaburan pula, YB Menteri turut menyebut kepentingan untuk pihak kementerian dan MARA memperkasakan sektor pelaburan melalui MARA Corp. Bagi menjadikan sektor ini terus maju ke hadapan, sistem pentadbiran yang baik wajar diberikan fokus dengan melantikan Ahli Majlis yang berpengalaman dalam bidang korporat untuk melakukan gerak kerja yang efektif. Perkara ini amat penting untuk menggerakkan daya polisi yang baru serta meningkatkan kemajuan dan kepentingan sosio-ekonomi Bumiputera.

Komunikasi secara terbuka ini juga dapat menyampaikan hasrat warga kerja MARA kepada YB Menteri secara terus dalam meningkatkan pelbagai aspek mutu dan kualiti perkhidmatan. Pandangan dan idea yang dikemukakan juga dapat menyumbang kepada penghasilan prestasi penyampaian perkhidmatan yang efisien kepada masyarakat.

Pendekatan menggunakan *video conference* secara lintas langsung yang melibatkan seluruh warga kerja MARA di pusat pentadbiran dalam dan luar negara turut diadakan agar mereka berpeluang untuk berhubung bersama YB Menteri. Selain itu, Warga kerja MARA akan merasa lebih dekat dan mesra bersama YB Menteri di samping mengukuhkan lagi hubungan kerjasama antara KPLB dan MARA dalam meneruskan agenda memacu pembangunan ekonomi Bumiputera.

Majlis ini melibatkan 250 orang tetamu dan disiarkan secara langsung atas talian untuk diikuti oleh sebahagian besar daripada warga kerja MARA di seluruh negara melibatkan lebih 10 ribu orang warga kerja.

-Tamat-

**Datuk Dr Abd Latiff Ahmad**  
**Menteri Pembangunan Luar Bandar**  
**Kuala Lumpur**

**7 Julai 2020**

*Unit Komunikasi Korporat*  
*Kementerian Pembangunan Luar Bandar*  
*Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367 Emel: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)*